

**Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/A6/2/JLD12 (51)**

**Tarikh: 4 September 2014**

**UNTUK SIARAN SEGERA**

**LANJUTAN TEMPOH PUBLISITI BAGI CADANGAN PENGUBAHAN DRAF RTPJ 1 (PENGUBAHAN 2) DAN RTPJ 2 (PENGUBAHAN 1)**

Pada bulan Ogos 2014, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah menyediakan salinan draf perubahan Rancangan Tempatan Petaling Jaya (RTPJ) 1 dan 2 untuk diperiksa oleh orang ramai sepertimana yang diperuntukan di bawah Seksyen 13 Akta Perancangan Bandar dan Desa (APBD) 1976.

MBPJ telah memberikan tempoh bantahan lebih 4 minggu iaitu dari 7 Ogos 2014 hingga 5 September 2014 dan telah pun menuruti segala prosedur khusus berhubung dengan publisiti dan bantahan awam.

MBPJ juga telah mengambil inisiatif sendiri untuk menghantar makluman (melalui surat serahan tangan) kepada 239 Persatuan Penduduk, Rukun Tetangga dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) tentang publisiti dan penyertaan awam Draf Perubahan RTPJ1 dan RTPJ2 di mana penduduk boleh mengemukakan pandangan kepada MBPJ dalam tempoh yang ditetapkan iaitu sebelum 5 September 2014.

Pada 3 September 2014, MBPJ menerima permohonan daripada YB R.Sivarasa Ahli Parlimen Subang untuk tempoh publisiti dan bantahan awam Perubahan RTPJ1 dan RTPJ2 dilanjutkan selama sekurang-kurangnya satu bulan.

Seksyen 13(3) APBD 1976 memberikan budibicara kepada MBPJ untuk lanjutan tempoh publisiti dan bantahan awam jika terdapat permohonan. Ini bermakna MBPJ boleh dan bukan semestinya memberikan lanjutan tempoh publisiti dan bantahan awam. Sebelum ini terdapat permintaan lanjutan daripada kalangan Ahli-Ahli Majlis MBPJ, namun bagi mengelakkan berlakunya "conflict of interest" ianya tidak boleh diambilkira kerana Ahli Majlis juga mewakili MBPJ - maka pihak yang memohon dan meluluskan tidaklah boleh orang yang sama.

Walaupun telah mematuhi segala prosedur publisiti awam sepenuhnya, MBPJ tanpa sebarang prejudis telah menerima permohonan Ahli Parlimen Subang dan seterusnya membuat keputusan untuk melanjutkan tempoh lanjutan publisiti bantahan awam pengubahan RTPJ 1 dan RTPJ 2 selama 16 hari lagi bermula daripada 6 September 2014 sehingga 22 September 2014. Sebarang pandangan yang dibangkitkan oleh ADUN, Ahli Majlis atau orang awam dalam tempoh lanjutan akan terus direkod sebagai pandangan serta bantahan dan akan dibawa untuk diputuskan di peringkat Jawatankuasa Siasatan menurut Seksyen 14 APBD 1976.

Berhubung dengan had Nisbah Plot 1:6 bagi cadangan Transit Oriented Development (TOD), MBPJ ingin menekankan bahawa perkara ini telah dimaklumkan kepada orang awam semasa proses Seranta Awal dibawah Seksyen 12A APBD 1976 dimana cadangan Nisbah Plot 1:6 ini tercatat dalam mukasurat 10, Laporan Addendum Draf RTPJ 1 (Pengubahan 2) dan di paragraf "C".

Ianya juga telah dimuatkan dalam Keterangan Nisbah Plot, Bahagian Cadangan Jadual Garispanduan Pemberian Nisbah Plot Di Kawasan TOD Petaling Jaya, Laporan Addendum Draf Rancangan Tempatan Petaling Jaya 2 (Pengubahan 1).

Walaupun dikatakan terdapat bantahan di kalangan Ahli Majlis MBPJ terhadap nisbah plot 1:6 dan hanya menyokong kepada cadangan TOD dengan nisbah plot 1:4, ianya tidak pernah tidak dimaklumkan secara rasmi di Jawatankuasa Perancang Negeri dan Jawatankuasa Perancang Negeri telahpun memutuskan supaya publisiti dibawah Seksyen 13 dilaksanakan mengikut peruntukan Seksyen 16(2).

Cadangan Lebuhraya Damansara Subang (DASH) yang ditunjukkan pada Pelan Gambarajah Utama Rajah 6.1 dan pelan sisipan Cadangan Jaringan Jalan dan Persimpangan RTPJ2 Rajah 7.2. Penyataan Bertulis berkenaan cadangan Lebuhraya Damansara Subang (DASH) telah dinyatakan di Jadual 7.1: Pindaan Penyataan Bertulis dan Rajah Cadangan Gunatanah Utama kawasan RTPJ 2, muka surat 7-3.

MBPJ menyeru orang awam yang mempunyai sebarang kemusykilan berkenaan Draf Cadangan Pengubahan RTPJ1 dan RTPJ2 bolehlah mendapat maklumat tepat dan sahih daripada Jabatan Perancangan Pembangunan MBPJ, di talian 03-79563544 sambungan 262/411/364.

Datin Paduka Alinah Ahmad  
Datuk Bandar,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),  
emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/208, Faks : 03-79582695  
**Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi:  
Unit Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Petaling Jaya**